

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 | ISNIN**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sudah ada inisiatif pindaan Akta Tabung Haji (1995) untuk meletakkan pengurusan risiko aset Tabung Haji di bawah kawalan Bank Negara.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Usaha untuk mengkaji semula/meminda Akta TH telah dimulakan sejak tahun 2019 di mana Lembaga TH telah menubuhkan Pasukan Petugas (Task Force) di peringkat Lembaga untuk menjalankan kajian menyeluruh ke atas Akta TH. Input serta cadangan-cadangan pindaan dan penambahbaikan telah dikumpul dan dibentangkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif TH kemudiannya.

2. Pada 12 Ogos 2021, Kerajaan telah mengumumkan inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) yang melibatkan semua Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), termasuk Tabung Haji. PERKUKUH dizahirkan untuk mencapai lima hasil utama iaitu, memperjelas mandat setiap GLIC; peningkatan fokus kepada pelaburan pembangunan untuk memacu pertumbuhan baharu; menyemarakkan sektor swasta; menyiap siaga GLIC bagi masa hadapan melalui peningkatan tadbir urus dan keupayaan; serta mengukuhkan perlindungan sosial dan ketahanan fiskal GLIC.

3. Pelabur institusi seperti **TH** bertanggungjawab untuk menguruskan simpanan umat Islam yang mahu menunaikan ibadah haji, iaitu mandat penubuhannya pada tahun 1963. Salah satu dari inisiatif PERKUKUH melibatkan usaha untuk mengukuhkan Akta Tabung Haji 1995, menambahbaik model operasi serta aspek tadbir urus **TH**.

4. Aspek utama yang akan diberi penekanan dalam kajian semula/pindaan Akta TH ini adalah seperti berikut:-

- i) tadbir urus TH - bagi mengekalkan standard tertinggi dalam tadbir urus korporat serta pengurusan berhemat;
- ii) kuasa-kuasa dan peraturan-peraturan berkaitan deposit dan pengeluaran, kewangan, pentadbiran Kumpulan Wang (seperti yang didefinisikan di bawah Akta TH) pengurusan aset, haji, dan lain-lain.
- iii) bagi tujuan menyelaras kandungan Akta dengan model perniagaan terbaharu TH (model operasi dan kewangan yang berdaya maju);
- iv) pemodenan bahagian-bahagian lain di dalam Akta - bagi menjadikan Akta TH selaras dengan akta badan-badan berkanun lain yang seumpama.

5. Usaha ini masih lagi dalam peringkat kajian awal dan akan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pendeposit **TH**. Perkembangan mengenai inisiatif ini akan diumumkan oleh **TH** pada masa yang sesuai kelak.

Sekian, terima kasih.